



Perak Pawsitive Initiative

**Sejauh Mana
Anda Pemilik
Haiwan Yang
Bertanggungjawab?**

Jom uji diri anda dengan kuiz ringkas ini



Kenali
Perak Pawsitive
Initiative

Tahukah anda
membuang anjing/kucing
satu kesalahan?

Panduan membuat
aduan kebajikan
haiwan

**Jawab setiap soalan dengan jujur.
Pilih jawapan yang paling menggambarkan diri anda.**




Bahagian 1: Keperluan Asas

1. **Saya menyediakan makanan dan air bersih setiap hari untuk haiwan saya.**
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
2. **Haiwan saya tinggal di tempat yang selesa, tidak panas atau hujan.**
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
3. **Saya memastikan haiwan saya tidak dikurung dalam sangkar kecil terlalu lama.**
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
4. **Jika saya menambat anjing, saya menggunakan rantai panjang dan tidak lebih 24 jam.**
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak

Bahagian 2: Lesen & Kesihatan

5. **Saya telah mendapatkan lesen untuk anjing saya.**
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
6. **Haiwan saya telah dimandulkan untuk mencegah pembiakan tidak terkawal.**
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
7. **Saya memastikan haiwan saya menerima vaksin dan ubat cacic secara berkala.**
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak



Bahagian 3: Senaman & Keselamatan



8. **Saya membawa anjing saya bersiar-siar setiap hari dengan tali.**
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
9. **Saya mengutip najis selepas haiwan saya membuang.**
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
10. **Saya tidak membiarkan haiwan saya berkeliaran tanpa pengawasan.**
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak

**Jawab setiap soalan dengan jujur.
Pilih jawapan yang paling menggambarkan diri anda.**



Bahagian 4: Latihan & Sosialisasi

11. Saya melatih haiwan saya dengan arahan asas seperti "duduk" atau "datang".
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
12. Saya tidak pernah menggunakan kekerasan atau hukuman kasar terhadap haiwan saya.
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
13. Saya biasakan haiwan saya bergaul dengan manusia dan haiwan lain.
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak

Bahagian 5: Kasih Sayang & Tanggungjawab Sepanjang Hayat

14. Saya menganggap haiwan peliharaan sebagai ahli keluarga.
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
15. Saya tidak akan meninggalkan atau membuang haiwan saya walaupun ia tua atau sakit.
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
16. Saya memastikan haiwan saya selamat semasa musim perayaan dari bunyi bunga api.
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak



Bahagian 6: Nilai dan Kesedaran

17. Saya lebih suka mengadopsi haiwan daripada membeli.
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak
18. Saya tidak memberi haiwan sebagai hadiah tanpa memastikan penerimanya benar-benar bersedia.
 3 Ya 2 Kadang-kadang 1 Tidak



Kira Markah Anda!

Jumlahkan semua markah daripada 18 soalan | Skor maksimum: 54 mata

Keputusan Kuiz



45–54 mata

Pemilik Emas (Pemilik Cemerlang)

Anda adalah contoh pemilik haiwan yang penyayang dan penuh tanggungjawab! Haiwan anda pasti berasa selamat, sihat dan disayangi setiap hari. Teruskan menjadi inspirasi kepada orang lain!



30–44 mata

Pemilik Prihatin

Anda sudah berada di landasan yang betul! Ada beberapa perkara kecil yang boleh diperbaiki, mungkin lebih masa bermain, kemas kini vaksin, atau beri perhatian semasa musim perayaan. Haiwan anda pasti menghargainya.



18–29 mata

Pemilik Dalam Pembelajaran

Nampaknya anda masih baru atau belum memahami sepenuhnya tanggungjawab sebagai pemilik haiwan. Jangan risau — kasih sayang boleh dipelajari! Ambil masa untuk fahami keperluan haiwan anda dan jadikan mereka sebahagian daripada keluarga anda. Setiap langkah kecil membawa perubahan besar.



Pesanan Akhir

Mohon lesen anjing dan memelihara secara sah !

Menjadi pemilik yang bertanggungjawab, sambil memastikan anjing anda hidup dengan lebih selamat, terjamin dan disayangi. Haiwan peliharaan anda bergantung sepenuhnya kepada anda, jadilah penjaga dan sahabat terbaiknya!

Cuba anda teka

Berapa ekor anak anjing/kucing boleh dilahirkan dalam masa 5 tahun ?



Anjing Betina
yang tidak dimandulkan
5 tahun: 12,288



Kucing Betina
yang tidak dimandulkan
5 tahun: 11,801



Pernakah Anda Terfikir?

Berapakah jumlah **anak anjing/ kucing** yang **dibuang di jalanan** akibat kelahiran yang tidak dirancang ini?

Kembirikan
binatang
kesayanganmu



Hubungi kami untuk maklumat
Program Pemandulan Bersubsidi Perak Pawsitive Initiative

 **+6014 944 3806** (WhatsApp Sahaja)

Kenali Perak Pawsitive Initiative

Perak Pawsitive Initiative

Perak Pawsitive Initiative

- Inisiatif Kerajaan Negeri untuk menangani isu anjing jalanan secara menyeluruh dengan mewujudkan kerjasama strategik merentasi agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).
- Inisiatif ini bertujuan untuk menggabungkan sumber, tenaga dan kepakaran serta memastikan pendekatan yang lebih berkesan berperikemanusiaan.



Matlamat Inisiatif:

- Meningkatkan kesedaran awam mengenai penjagaan dan kebajikan haiwan.
- Mengurangkan populasi haiwan jalanan dengan berkesan.
- Menjaga keselamatan rakyat dan keharmonian komuniti

Program bawah Perak Pawsitive Initiative



**Program Pemandulan
Anjing & Kucing
Bersubsidi**



**Adoption
Drive**



**Perak
Pawsitive
App**



**30-Day Shelter
(MBI)**

Isu dan Cabaran



Statistik isu anjing peliharaan atau anjing jalanan di Negeri Perak (Jan 2024 – Oktober 2025)

Bilangan Aduan Isu Anjing Yang Diterima Oleh PBT Perak

8,010

Bilangan Operasi Penangkapan Anjing Oleh PBT Perak

3,281


Jumlah Kes Gigitan Anjing Di Perak

2,161

*Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak



Populasi haiwan jalanan yang tidak terkawal telah menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti kebersihan, kacau ganggu dan mengancam keselamatan penduduk.



Tahap kesedaran orang awam yang masih rendah

- Ramai pemilik dan pencinta haiwan masih kurang menyedari pentingnya pemandulan dalam mengelakkan pembiakan haiwan yang tidak terkawal.
- Biasanya pencinta haiwan mengambil inisiatif untuk memberi makanan kepada haiwan jalanan tanpa memainkan peranan yang lebih penting dalam penyelesaian jangka panjang.



Tiada persefahaman atau kerjasama di kalangan pemegang taruh

- Pelbagai pihak menjalankan usaha masing-masing secara silo dan menyebabkan isu tersebut tidak dapat ditangani secara holistik.



Pencapaian Perak Pawsitive Initiative 2024 – 2025

KEMAS KINI OGOS 2025



504
EKOR ANJING
DIMANDULKAN



376
EKOR KUCING
DIMANDULKAN



567
LESEN ANJING
DIKELUARKAN SEMASA
PROGRAM



SASARAN TAHUN 2026
1000 EKOR ANJING & KUCING DIMANDULKAN



Anda bersalah!

Sekiranya:



Tidak melesenkan anjing yang telah melebihi umur 3 bulan



Di bawah:

**Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing**

Penalti Kesalahan :

dikampaun dan didenda hingga RM1000



Meninggalkan haiwan di tempat yang boleh menyebabkan trauma, penderitaan, kebuluran, kecederaan atau penyakit



Di bawah:

**Akta Kebajikan Haiwan 2015
[Akta 772] Seksyen 29(1)(p)**

Penalti Kesalahan :

Didenda tidak kurang RM20,000, dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya



Membuang anjing atau kucing itu satu kesalahan

Panduan Membuat Aduan Kebajikan Haiwan

Setiap aduan berhubung kebajikan dan penganiayaan terhadap haiwan hendaklah disertakan maklumat yang lengkap :



Maklumat Pengadu

- ✓ Nama Penuh
- ✓ No. Pengenalan Diri
- ✓ No. Telefon
- ✓ Alamat E-mel
- ✓ Alamat Kediaman

Panduan Aduan Kebajikan Haiwan

- **Siapa** yang terlibat dan yang mengadu?
- **Apa** kesalahan yang dilakukan ?
- **Bila** kesalahan berlaku ?
- **Di Mana** kesalahan berlaku ?
- **Kenapa** kesalahan berlaku ?
- **Bagaimana** pelanggaran peraturan dilakukan?



Pastikan aduan disertakan bukti gambar, video atau saksi

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Kebajikan Haiwan di talian 03 8870 2000 @e-mel kepada: animalwelfare@dvs.gov.my

Aduan boleh dibuat terus di portal <https://awa.dvs.gov.my/>

Senarai Maklumat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Larut Matang Dan Selama

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Larut Matang & Selama
Jalan Haiwan, 34000 Taiping,
Perak Darul Ridzuan.

☎ 05-8072703
☎ 05-8051295

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Batang Padang

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Batang Padang
Jalan Damai, Kampung Baru Bukit Pagar,
35000 Tapah, Perak Darul Ridzuan.

☎ 05-4011124
☎ 05-4017979

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Hulu Perak

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Hulu Perak
Jalan Intan, 33300 Gerik, Perak Darul Ridzuan.

☎ 05-7912131
☎ 05-7921606

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Manjung

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Manjung
Jalan Lapangan Terbang,
32000 Sitiawan, Perak Darul Ridzuan.

☎ 05-6911026
☎ 05-6920419

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Kangsar

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Kangsar
Jalan Taiping, 33000 Kuala Kangsar,
Perak Darul Ridzuan.

☎ 05-7761119
☎ 05-7761622

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Perak Tengah

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Perak Tengah
Kompleks Pentadbiran Daerah,
32600 Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan.

☎ 05-3712144
☎ 05-3711873

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Hilir Perak

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Hilir Perak
Jalan Maharajalela, 36000 Teluk Intan,
Perak Darul Ridzuan.

☎ 05-6221697
☎ 05-6215105

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kerian

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kerian
Jalan Padang, 34200 Parit Buntar,
Perak Darul Ridzuan.

☎ 05-7161479
☎ 05-7171582

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kinta / Kampar

Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kinta / Kampar
Jalan Iskandar, 31900 Kampar,
Perak Darul Ridzuan.

☎ 05-4665410
☎ 05-4658660



Kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan dalam usaha pembangunan Negeri Perak. Kerajaan Negeri Perak komited untuk mewujudkan komuniti yang selamat, harmoni, dan sejahtera bagi semua lapisan masyarakat, selaras dengan Pelan Perak Sejahtera 2030.

YAB DATO' Seri Saarani Bin Mohamad
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan



Semua pihak perlu bekerjasama dan memainkan peranan masing-masing dalam memastikan kesejahteraan komuniti terjamin. Ayuh kita berganding bahu untuk selesaikan masalah dan merealisasikan Perak Sejahtera 2030!

YB Sandrea Ng Shy Ching
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak



Senarai Maklumat NGO Haiwan Jalanan Negeri Perak

Mutts & Mittens (M&M)
Mr. Chong Choon Kit

Persatuan Pencinta Haiwan Daerah Kinta

- ☎ 014-624 8070
- ✉ mutts_mittens@outlook.com
- 📍 Mutts and Mittens 米克斯犬貓之家

Noah's Ark Ipoh (NAI)
Norfazilatun binti Mohd Zin

Persatuan Penyelamat Haiwan Terbiar Bahtera Noah Ipoh

- ✉ noahsarkipoh@yahoo.com
- 📍 Noah's Ark Ipoh Animal Welfare

PPHG
Wong Kah Yee

Persatuan Pencinta Haiwan Gopeng

- ✉ junewong6074@gmail.com
- 📍 🐾 PPHG务边爱护流浪动物协会
- ☎ 011-7111 3312

Papan Souls
Keshturi a/p Sivam

Persatuan Prihatin Haiwan Terbiar Ipoh, Perak

- ✉ papansouls@gmail.com
- 📍 The Forgotten Souls of Papan Dumpsite

Furkid Haven
Irene Boey

Pertubuhan Perlindungan Haiwan Terbiar Ipoh Perak

- 📍 Furkid Haven
- ☎ 012-564 6612

Dr Nurul Ashikin Sapian
Persatuan Pencinta Haiwan Jalanan Kampar

- 📍 Persatuan Pencinta Haiwan Jalanan Kampar - Kampar Trn

TIPS
Ng Tsu Yin
Taiping Independent Paws Society

- 📍 Taiping Independent Paws Society-TIPS
- ✉ taipingIPS@gmail.com

Taiping Furkids Loving Home
Madam Khor & Madam Yap
Persatuan Pencinta Haiwan Taiping Perak

- 📍 Taiping Furkids Loving Home 太平大爱毛孩之家
- 📍 Furkid SCE 大爱毛孩之家教育组
- ✉ furkidsce2025@gmail.com

Jeffrey
Kelab Kesedaran Dan Kekejaman Haiwan Peliharaan Ipoh Perak

- 📍 Petz-A-Mania

Jassica Morris
Persatuan Kebajikan Pecinta Anjing Jalanan Ipoh Perak

- ✉ ipohstrayswelfareandsafety@gmail.com

Senarai Maklumat PBT Negeri Perak

Majlis Bandaraya Ipoh

Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown
30450, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

T 05-2083333
F 05-253 7396 / 05-208 3530

Majlis Perbandaran Taiping

Wisma Perbandaran Taiping, Jalan
Taming Sari, 34000 Taiping,
Perak Darul Ridzuan.

T 05-8080777
F 05-8068957 / 05-8053000

Majlis Perbandaran Manjung

Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan.

T 05-6898800
F 05-6882102

Majlis Perbandaran Teluk Intan

Jalan Speedy, 36000 Teluk Intan,
Perak Darul Ridzuan.

T 05-622 1299
F 05-621 2446

Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

Wisma MPKK, Jalan Sultan Nazrin Shah,
33000 Kuala Kangsar, Perak

T 05 - 776 3199
F 05 - 777 3199

Majlis Daerah Kerian

No.1 Wisma MDK, Jalan Padang,
34200, Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan.

T 05-7161228
F 05-7169268

Majlis Daerah Kampar

Kompleks Pentadbiran MD Kampar
Jalan Iskandar, 31900 Kampar
Perak Darul Ridzuan

T 05-4671020 | 05-4671030
F 05-4671040

Majlis Daerah Tanjong Malim

Peti Surat 59, Bandar Behrang 2020,
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan

T 05-4563410/20
F 05-4563430/40

Majlis Daerah Perak Tengah

Kompleks MDPT, Seri Iskandar,
32610 Bandar Seri Iskandar,
Perak Darul Ridzuan.

T 05-3712088/05-3712014
F 05-3712089

Majlis Daerah Tapah

Jalan Stesyen, 35000 Tapah
Perak Darul Ridzuan

T 05-4011326/2329
F 05-4012288

Majlis Daerah Lenggong

Jalan Alang Iskandar, 33400, Lenggong,
Perak Darul Ridzuan

T 05-7677 207/307
F 05-7677 002

Majlis Daerah Pengkalan Hulu

Wisma Kroh, Jalan Sri Adika Raja,
33100 Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan

T 04-477 8148 | 04-4778181
F 04-4778735

Majlis Daerah Selama

Majlis Daerah Selama
34100 Selama Perak Darul Ridzuan

T 05-839 4201
F 05-839 4377

Majlis Daerah Batu Gajah

Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah, Perak

T 05-363 2020
F 05-366 5930

Majlis Daerah Gerik

Jalan Haji Meor Yahaya
33300 Gerik, Perak.

T 05-7911686 , 7912305
F 05-7912288

Perak Pawsitive Initiative

霹靂州浪愛同行計劃
 * 狗狗絕育醒覺運動 *



Muat turun risalah dalam Bahasa Melayu, Inggeris & Cina

Scan & Download Booklet in Malay, English and Chinese version

扫码下载马来文、英文及中文手册

Anjuran Bersama



Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan



2030 PERAK SEJAHTERA



Rakan Strategik

